

Lelaki disabit curi telefon bimbit dipenjara dua bulan

MIRI: Gara-gara mencuri sebuah telefon bimbit, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara dua bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 25 Februari lalu.

Majistret Randu Rangen membuat keputusan itu setelah tertuduh, Nazrie Kassim, 21, dari Pujut Padang Kerbau

di sini, mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah melakukan kecurian dengan mencuri sebuah telefon bimbit kepunyaan Lee Kuok

Siong, 59.

Diadidakwa melakukan kesalahan itu pada jam 6.40 pagi, 25 Februari lalu di sebuah lot di Blok 8 MCLD, Jalan Miri-Pujut di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.